

11/11/1997

Isu pelekat sokong PM: JPM beri arahan

DEWAN Rakyat semalam diberitahu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengarahkan Jabatan Parlimen memastikan pengedaran pelekat, buletin dan bahan bercetak lain yang tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa, tidak diedarkan di Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Aziz, berkata Setiausaha Parlimen memberitahu beliau, sekretariat bertanggungjawab mengedarkan semua bahan di dalam Parlimen dan pihak lain tidak dibenarkan memasuki Dewan Rakyat kecuali dengan kebenaran.

"Kita tidak sedar bagaimana pelekat 'Kita Sokong Mahathir' diletakkan di semua meja Ahli Parlimen apabila Dewan Rakyat mula bersidang 6 Oktober lalu," katanya menggulung Belanjawan 1998 di peringkat jawatankuasa.

Beliau berkata, setiausaha Parlimen akan memastikan keadaan itu tidak berulang.

Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) mendakwa terdapat risiko keselamatan sekiranya sesiapa saja dibenarkan memasuki Dewan Rakyat dan mengedarkan bahan bercetak.

Beliau berkata, sekiranya terdapat risiko keselamatan, kemungkinan adanya bom diletakkan di atas meja ahli Parlimen termasuk pemimpin negara, ia tidak boleh diabaikan.

Yang DiPertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd Zahir Ismail, berkata hanya pekerja parlimen yang ditugaskan di Dewan Rakyat dan Ahli Parlimen dibenarkan masuk ke dewan.

Katanya, pegawai kerajaan pun perlu meminta kebenaran dan pas masuk ke galeri Dewan Rakyat.

"Kejadian pengedaran pelekat itu mengecewakan kerana kita tidak mengetahui siapakah yang bertanggungjawab mengedarkannya," katanya.

Nazri berkata, beliau akan memastikan keadaan itu tidak berulang pada masa akan datang.

(END)